

IKLAN JAWATAN KOSONG



PARLIMEN MALAYSIA

**PARLIMEN MALAYSIA MEMPELAWA WARGANEGARA MALAYSIA YANG
BERKELAYAKAN UNTUK MEMOHON JAWATAN BERIKUT:**

1. BUTIRAN JAWATAN

- | | | | |
|-----|-----------------------|---|--------------------------------------|
| 1.1 | Jawatan/ Gred | : | Bentara Mesyuarat Gred KP29 |
| 1.2 | Kementerian/ Jabatan | : | Parlimen Malaysia |
| 1.4 | Kumpulan Perkhidmatan | : | Pelaksana Berkelayakan STPM/ Diploma |
| 1.5 | Taraf Jawatan | : | Kontrak |
| 1.6 | Bilangan Kekosongan | : | Satu (1) |

2. GRED DAN JADUAL GAJI : RM1,493.00 – RM5,696.00 (Gred KP29)

3. SYARAT PERMOHONAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- 3.1 Warganegara Malaysia;
- 3.2 Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- 3.3 Mendapat kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengan Kerajaan; dan
- 3.4 Keutamaan akan diberikan kepada Bekas Anggota Polis atau Tentera yang sekurang-kurangnya berpangkat Sarjan atau yang setaraf dengannya dan telah disahkan dalam jawatan tersebut serta mempunyai rekod perkhidmatan yang baik.

4. DESKRIPSI DAN SKOP BIDANG TUGAS

- 4.1 Bertanggungjawab kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat (YPDR), Yang di-Pertua Dewan Negara (YPDН), Setiausaha Dewan Negara (SUDN), Setiausaha Dewan Rakyat (SUDR), Setiausaha Bahagian Pengurusan Dewan Rakyat (SUB DR) dan Setiausaha Bahagian Dewan Negara (SUB DN);
- 4.2 Membantu menyelaras dan menyemak semua Aturan Mesyuarat (AUM) sebelum diedarkan oleh Bentara Parlimen;

- 4.3 Menentukan Bentara Parlimen mengedar AUM kepada pegawai-pegawai bertugas Kementerian;
- 4.4 Membantu menyelaras di dalam pengurusan dan mentadbir hal-hal pentadbiran harian dan latihan anggota-anggota Seksyen Bentara;
- 4.5 Membantu mengurus dan memelihara Cokmar agar sentiasa berada dalam keadaan baik dan selamat; dan
- 4.6 Bersedia ditugaskan sebagai Pegawai Perhubungan (LO), Pembantu Pegawai Keselamatan (APSO) kepada ketua-ketua delegasi asing yang menghadiri persidangan-persidangan anjuran Parlimen Malaysia serta mesyuarat Jawatankuasa Dewan yang lain.

5. CARA MEMOHON

- 4.7 Permohonan hendaklah dibuat menggunakan **Borang Permohonan** yang boleh dimuat turun secara *online* di Portal Parlimen Malaysia (www.parlimen.gov.my).
- 4.8 Permohonan daripada pegawai kerajaan yang sedang berkhidmat hendaklah melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut peraturan 17 Bab ‘A’ Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan) 2012.
- 4.9 Borang permohonan yang lengkap hendaklah disertakan satu (1) keping gambar terbaru berukuran pasport (tidak dikembalikan), *Resume*, salinan Sijil Kelahiran, Salinan *MyKad*, salinan Kelulusan Akademik salinan Perakuan Perkhidmatan Pegawai terdahulu dan salinan Sijil Berhenti Sekolah serta dokumen sokongan yang berkaitan. Semua salinan dokumen tersebut hendaklah **ditandatangani dan diperakui sah oleh Pegawai Kerajaan dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Gred 41 ke atas)**.
- 4.10 Borang permohonan yang lengkap perlu dihantar ke alamat seperti berikut:

**KETUA PENTADBIR
PARLIMEN MALAYSIA
BANGUNAN PARLIMEN
ARAS 4, BLOK AHLI PARLIMEN DAN PENTADBIRAN
JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR
(U.P: SEKSYEN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA DAN INOVASI)**

5. TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 07 MEI 2021 (JUMAAT)

Tarikh Iklan : 26 APRIL 2021

Catatan Am : Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan hendaklah menganggap bahawa permohonan mereka tidak berjaya.